

supaya arus itu sekurang-kurangnya dapat disempitkan kalau pun tidak sepenuhnya kita dapat menghalang adanya.

* * *

Ke mana pemuda hendak dialirkan?

En. Senu bin Abdul Rahman, Menteri Sukan dan Belia dan juga Menteri Penerangan Malaysia di dalam ucapannya baru-baru ini telah menyarankan suatu perkara yang sungguhpun tidak begitu jelas adalah menunjukkan bahawa dasar kerajaan Malaysia sekarang di dalam membina suatu negara yang muda adalah menuju kepada suatu jalan untuk menghapuskan rupa bangsa dan keturunan atau kaum. Ini menurut pengertian kita daripada ucapan beliau yang mengatakan bahawa kerajaan mahu daripada pertubuhan-pertubuhan belia akan disampaikan semangat toleransi, bertolak ansur dan cintakan negeri ini dikalangan belia-belie itu.

“Pertubuhan belia yang dijalankan di atas dasar siyasah dan keagamaan tidak digalakkan oleh kerajaan serta tidak diberi sebarang bantuan,” katanya.

“Pemimpin-pemimpin yang bercorak keagamaan dan perkauman tidak akan mendapat sokongan di masa yang akan datang, malahan mereka membahayakan bangsa Malaysia yang hendak kita dirikan,” kata beliau.

Kita tidak menyertai suatu tujuan politik negara tetapi sebagai sebuah majalah agama, rasanya perkataan yang dikeluarkan oleh Menteri Perdagangan dalam menghadapi susunan belia di dalam

masa yang akan datang akan menjadi suatu pertanyaan yang besar kepada umat Islam yang memandang bahawa negara ini ialah agama rasminya agama Islam dan dengan sendirinya yang menjadi tiang untuk menegakkan agama itu tidak lain daripada pemuda, dan pemuda-pemuda Islam hendaklah dipupuk dengan semangat-semangat keagamaan bagi menegakkan agamanya dan bagi mengisi masjid-masjid yang cantik yang dibuat oleh kerajaan Malaysia dari satu ke satu masa – tidak belia-beliannya, belia-belie Islam, dialirkan kepada tujuan-tujuan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti menghidupkan kebudayaan-kebudayaan percampuran yang setengahnya, kalau tidak semuanya, melanggar ajaran-ajaran Islam yaitu perkara-perkara yang patut dijauhi dan disingkirkan daripada pemuda-pemuda Islam dan ditugaskan Islam berjihad untuk menjauhinya.

Sebab itu apa yang dikatakan oleh Menteri Penerangan itu kita pandang menjadi kebalikkannya yaitu gerakan-gerakan pemuda yang bercorak keagamaan dan perkauman umpamanya Pertubuhan Pemuda Islam atau Pemuda Melayu, Pertubuhan Pemuda Kristian atau Pertubuhan Pemuda Cina yang menyebut perkauman dan keagamaan itu telah dipandang sebagai “membahayakan bangsa Malaysia yang hendak kita dirikan.”

Kita pulangkan kepada umat sendiri, kepada badan-badan Islam memerhati dan memeriksa apa yang akan terjadi kepada perkembangan Islam pada masa perkembangan Islam untuk masa akan datang. Kita berharap supaya yang demikian ini diperhatikan oleh seluruh umat Islam baik ia di dalam UMNO, baik ia di dalam PAS atas

di luarnya. Begitu juga telah tibalah sangatnya bagi alim-ulama bersatu ke tengah untuk menyuarakan pendapat-pendapat Islam – jangan nanti Islam diberi gula-gula tetapi di dalamnya ada anasir-anasir yang cuba hendak menghapus-hapuskan perkembangan Islam.

* * *

Beringat-ingatlah!

Ketua Menteri Melaka, di dalam ucapannya yang tersiar di akhbar Mingguan Melayu dalam masa mencabar PAS, musuhnya, mungkin dengan tidak disedarinya ia telah mengeluarkan kata-kata yang nampaknya boleh dipandang telah mencabar umat Islam sendiri. Di dalam ucapannya itu beliau telah mengemukakan beberapa pertanyaan:

1. Berapa masjid yang telah dibina oleh Kerajaan PAS semenjak berkuasa sedang tugas inilah yang menjadi janji PAS yang utama kepada rakyat.
2. Sudah berapa banyakkah sekolah agama yang telah didirikan oleh PAS selain dari di Nilam Puri.
3. Berapa banyakkah projek-projek pembangunan, kemajuan dan rancangan perusahaan yang dibuat untuk kepentingan rakyat?
4. Apakah kebajikan dan kemakmuran yang dicurahkan oleh rakyat untuk negara kebajikan yang mendapat keampunan daripada Allah?

Di dalam empat pertanyaan ini 1, 2 dan 4 adalah dengan tepat bukannya sahaja sebagai tugas PAS tetapi menurut pandangan kita, adalah tugas seluruh umat Islam.